

Johor Bahru

Johor sahan 10 madrasah tidak berdaftar

Kerajaan negeri mengesahkan terdapat 10 madrasah tahfiz yang tidak berdaftar di seluruh negeri ini hasil pemeriksaan pematuan aspek piawaian keselamatan yang ditetapkan bomba di bangunan berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Agama negeri Abd Mutalip Abd Rahim berkata, jumlah berkenaan adalah tambahan kepada 15 madrasah tahfiz yang berada dalam rekod Jabatan Agama Islam Negeri Johor sebelum ini.

"Jumlah itu bertambah apabila bomba memaklumkan dapat mengesan beberapa madrasah tahfiz lagi ketika dalam pemeriksaan dijalankan.

"Sekarang ini bomba siasat dan buat pemeriksaan di sekolah tahfiz. Jika sebelum ini, saya maklumkan terdapat

15 institusi pendidikan ini yang tidak berdaftar, tetapi pagi ini (semalam) saya diberitahu daripada 15 menjadi 25 buah," katanya sempena Majlis Perasmian Perwakafan serta Penyerahan Bangunan Wakaf daripada ANGKASA kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor di Pusat Perniagaan UDA, Bandar Baru Uda, di sini, semalam.

Beliau berkata, perkara itu dipercayai berlaku apabila sekolah tahfiz ini diwujudkan di bangunan atau rumah persendirian yang diwakafkan.

"Mereka ini kadang-kadang bergerak kita tidak tahu. Ada rumah yang ditinggalkan,

yang mana tiada waris yang mahu, mereka serah kepada individu tertentu dan dijadikan pusat tahfiz," katanya.

Menurut Abd Mutalip, pihaknya memberi tempoh kepada pengusaha madrasah tahfiz untuk mematuhi peraturan dan saranan

selepas ia diselaraskan kelak sebelum tindakan menutup pusat tahfiz yang gagal berdaftar dibuat.

"Selepas kita selaraskan peraturan seperti silibus, kandungan pembelajaran, umur dan ciri-ciri keselamatan, kita akan beri mereka tempoh untuk patuhi dan sekiranya masih gagal, ada kemungkinan kita ambil tindakan tutup," katanya.

FAKTA

Ada pusat tahfiz beroperasi rumah yang ditinggalkan, yang mana tiada waris